



Ruj. Kami: PTG.PS (R) 4/2025 F01 (15)

Tarikh: 13 Oktober 2025

PELANGGAN YANG DIHORMATI

Tuan/Puan,

MAKLUMAN PENANGGUHAN SEMENTARA URUSAN PENDAFTARAN HAKMILIK SAMBUNGAN DAN BAHARU DI PEJABAT PENGARAH TANAH DAN GALIAN NEGERI PERLIS

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Adalah dimaklumkan bahawa Pejabat ini akan menjalankan **Gerak Kerja Pendaftaran Pindaan Cukai Tanah Dan Rebat Negeri Perlis Tahun 2026** bermula pada **15 Oktober 2025 hingga 31 Disember 2025**.

3. Sehubungan itu, Pejabat ini akan menangguhkan sementara Pendaftaran Hakmilik Sambungan dan Baharu seperti perincian berikut:

- i. Pendaftaran Hakmilik Sementara dan Kekal Pemberimilikan;
- ii. Pendaftaran Hakmilik Kekal Ganti Hakmilik Sementara (HKGHS);
- iii. Pendaftaran Hakmilik Pecah Sempadan / Bahagian (HSPS) / (HSPB);
- iv. Pendaftaran Hakmilik Sementara Serahbalik Semua Tanah dan Berimilik (HSSTB);
- v. Pendaftaran Hakmilik Sementara Cantuman (HSC); dan
- vi. Pendaftaran Hakmilik Kekal Ambil Balik Sebahagian atas Sebab Pengambilan (HKABS).

3. Urusan Pendaftaran yang dinyatakan di atas akan disambung semula bermula pada **2 Januari 2026**. Sehubungan itu, tuan/puan dimohon untuk merancang sewajarnya pengurusan permohonan di atas dan memberi pemakluman sewajarnya berhubung perkara ini kepada pihak yang berkenaan.

4. Sebarang pertanyaan boleh dikemukakan kepada Unit Pendaftaran, Pejabat Pengarah Tanah dan Galian Negeri Perlis secara terus di kaunter Pejabat ini atau melalui emel di ptg@ptgps.gov.my.

5. Perhatian dan kerjasama tuan/puan berhubung perkara ini amatlah dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

“MALAYSIA MADANI”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

“PERLISKU BESTARI BERKAT LESTARI”

Saya yang menjalankan amanah,



(AIZAL BIN MAZLAN)

Pengarah Tanah dan Galian Negeri Perlis

s.k :

1. YAB Tuan Mohd Shukri bin Ramli

Menteri Besar Perlis

Pejabat Menteri Besar Perlis

Kompleks Seri Putra

Persiaran Wawasan

01000 Kangar

PERLIS

2. Timbalan Pengarah Tanah dan Galian Negeri Perlis

3. Semua Ketua Unit PPTGPs

4. Badan Peguam Perlis

No. 35, Tingkat 1 & 2, Jalan Kangar Jaya 1

Off, Jalan Tuanku Syed Putra

01000 Kangar

PERLIS

- Mohon jasa baik pihak tuan untuk membuat hebahan kepada ahli gabungan

5. Semua Jurukur Tanah Berlesen